

Matrix Show 2019 Saluran Siswa-siswi UMS Hasil Karya Seni Peringkat Tinggi

Terakhir dikemaskini: Rabu, 08 Mei 2019 15:44 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 231

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**RABU, 8
MEI** –
Penganjuran pameran Matrix Show 2019 oleh pelajar tahun akhir program Teknologi Seni Visual Fakulti

Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu menjadi saluran terbaik kepada siswa-siswi UMS untuk terus menghasilkan karya seni yang mampu bersaing di peringkat yang lebih jauh.

Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS), Datuk Kamal D.E Quadra berkata, usaha ini adalah amat penting dan mampu memberi impak terhadap pembangunan pelajar di universiti.

“Melalui projek akhir dan pameran ini, siswa-siswi telah dilatih untuk menghasilkan karya-karya seni mengikut bidang-bidang yang dipilih.

“Saya percaya usaha ini sekali gus melahirkan siswa-siswi yang mempunyai kemahiran insaniah atau *soft skill* yang tinggi,” katanya ketika merasmikan program tersebut di Galeri Seni FKSW.

Terdahulu, Dekan FKSW, Dr. Marsitah Mohd Radzi berkata, tema pameran *Matrix Show* iaitu *Light of Borneo* yang merujuk kepada keistimewaan yang terdapat di bumi Borneo mampu memperkenalkan lagi budaya, adat, kaum dan kepercayaan di kawasan Borneo melalui karya yang dihasilkan.

“Hasil karya pelajar mempamerkan keunikan budaya di Borneo yang diterjemahkan dalam pelbagai bentuk visual seperti seni arca, catan, cetakan, seramik, batik, lukisan, identiti korporat, media baharu, pengiklanan dan filem,” katanya.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu melibatkan pameran hasil karya seramai 66 pelajar tahun akhir program Teknologi Seni Visual FKSW.

Hadir sama pada program tersebut penyelaras program, Dr. Zaimie Sahibil dan pengarah program, Dayang Maszianah Sidek.